

0039

U B643 BAH  
MAHATHIR - KERAKYATAN

BANDAR DARULAMAN, 20 SEPT (BERNAMA) -- BERIBU-RIBU WARGA NEGARA MALAYSIA DIGUGURKAN KERAKYATANNYA KERANA MEMEGANG KERAKYATAN ASING, TINGGAL TERLALU LAMA DI LUAR NEGERI DAN MENGUNDI DI NEGARA ASING, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN SENTIASA MENGESAN KEGIATAN RAKYAT NEGARA INI YANG TINGGAL DI LUAR NEGERI DAN SEKIRANYA DIDAPATI MEREKA MELAKUKAN PERBUATAN SEUMPAMA ITU, KERAKYATAN MEREKA AKAN DIGUGURKAN.

+MEREKA INI ADA YANG TINGGAL TERLALU LAMA ATAU MELAKUKAN KEGIATAN YANG TERHAD KEPADA RAKYAT ASING SAHAJA SEPERTI MENGUNDI. SEMUANYA KITA DAH POTONG NAMA,+ KATANYA SEMASA BERDIALOG DENGAN PARA PEGAWAI KERAJAAN DI DEWAN MUADZAM SHAH, KAMPUS DARULAMAN, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN SEDAR MENGENAI RAMAI RAKYAT NEGARA INI MEMILIKI KERAKYATAN ASING DAN SEKIRANYA PERKARA ITU DIKESAN LAGI PADA MASA DEPAN TINDAKAN SERUPA AKAN DIAMBIL KE ATAS MEREKA YANG TERBABIT.

MENGENAI CADANGAN UNTUK MEMBENARKAN PEGAWAI KERAJAAN BERSARA LEBIH AWAL PADA UMUR 40 TAHUN, BELIAU BERKATA, BUKAN SEMUA PEGAWAI KERAJAAN AKAN DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN. -- LAGI.

1937MST 20 09 90

0041

U B644 BAH  
MAHATHIR - KERAKYATAN 2 BANDAR DARULAMAN

+HANYA MEREKA YANG DIBENARKAN OLEH KERAJAAN SAHAJA BOLEH BERSARA PADA UMUR 40 TAHUN,+ KATANYA.

MENURUTNYA, KERAJAAN MUNGKIN HANYA MEMBENARKAN MEREKA BERSARA SEKIRANYA DENGAN PERSARAAN MEREKA, TUGAS MEREKA TIDAK PERLU DIGANTI OLEH KAKITANGAN BARU.

SEMASA MENJAWAB SOALAN LAIN, PERDANA MENTERI BERKATA, TIDAK ADA SKIM PELABURAN LAIN DI DUNIA YANG SERUPA DENGAN AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN) YANG DIBUAT UNTUK MENOLONG RAKYAT.

BELIAU BERKATA, ASN YANG DIADAKAN IALAH UNTUK MEMBANTU KAUM BUMIPUTERA, TERMASUK RAKYAT KETURUNAN THAI DAN PORTUGIS, TIDAK PERNAH MENGALAMI KERUGIAN WALAUPUN SEMASA NEGARA MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI.

BELIAU BERKATA, TIDAK ADA SAHAM LAIN YANG MEMBERI PULANGAN SEBANYAK ANTARA 13 DAN 17 PERATUS SETAHUN, TERMASUK SAHAM SYARIKAT YANG BESAR-BESAR.

BELIAU KESAL KERANA ADA DI KALANGAN RAKYAT YANG TIDAK MEMAHAMI TUJUAN SEBENAR ASN DAN MENGHARGAI SKIM BERKENAAN. -- BERNAMA.

1939MST 20 09 90